

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 JUN 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia peneraju utama bioteknologi perindustrian	Mingguan Malaysia
2	Sebanyak 100,000 kit denggi diedar ke tiga negeri – MOSTI	Bernama.com
3	100,000 home dengue protection kits to be distributed in three states	Malaymail Online
4	Gempa bumi lemah landa Ranau tengah hari tadi	Bernama.com
5	Ribut petir di perairan Sandakan hingga awal malam ini	Bernama.com

KERATAN AKHBAR TEMPATAN MINGGUAN MALAYSIA (TEKNO) : MUKA SURAT 32 TARIKH: 21 JUN 2015 (AHAD)

Malaysia peneraju utama bioteknologi perindustrian

Dengan pelaksanaan projek ini, Malaysia kini merupakan negara pertama di dunia yang menghasilkan bio-metionina "hijau" yang bersifat mesra alam...



SULTAN Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin menandatangani plak perasmian Loji Bio-Metionina di Taman Biopolimer Kertih (BKP), Terengganu.

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

MALAYSIA bakal menjadi pemain utama di dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam dengan pembukaan fasiliti bersepadu bio-metionina dan tiokimia yang pertama di dunia milik CJ Cheiljedang (CJ) dari Korea dan Arkema dari Perancis di Taman Biopolimer Kertih (BKP), Terengganu.

Fasiliti bersepadu ini melibatkan pembangunan loji bio-metionina milik CJ dan platform tiokimia milik Arkema, telah dirasmikan pembukaannya hari ini oleh KDYMM Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibtai Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Kemudahan pengeluaran bersepadu ini yang terletak di kawasan seluas 70 hektar di BKP adalah yang pertama di dunia menggunakan proses penapaian dalam menghasilkan bio-metionina, sejenis asid amino yang biasa digunakan dalam pembuatan makanan haiwan.

Dengan pelaksanaan projek ini, Malaysia kini merupakan negara pertama di dunia yang menghasilkan bio-metionina "hijau" yang bersifat mesra alam. Fasiliti bersepadu ini telah mengeksport kumpulan pertama asid amino penting (EAA) yang dihasilkan di Indonesia pada bulan Januari 2015.

Dipromosikan secara bersama oleh BiotechCorp dan ECERDC, fasiliti pengeluaran bersepadu baharu yang bernilai RM2.1 bilion di BKP ini merupakan pelaburan terbesar dalam sektor bioteknologi Malaysia setakat ini. Projek ini mempunyai potensi pelaburan keseluruhan sebanyak RM3 bilion dalam tempoh 10 tahun.

Untuk tempoh jangka panjang, projek ini dijangka akan memina Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM20.4 bilion dan mewujudkan 2,500 pekerjaan "hijau" di Malaysia menjelang tahun 2020. Ini termasuk 474 pekerja yang akan diambil oleh CJ dan Arkema, di mana 60 peratus akan terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja



FASILITI bersepadu bio-metionina dan tiokimia yang pertama di dunia milik CJ Cheiljedang (CJ) dari Korea dan Arkema dari Perancis.

berasaskan pengetahuan peringkat tinggi seperti ahli mikrobiologi, ahli kimia, jurutera dan ahli bioteknologi. Ini selaras dengan Model Ekonomi Baru kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja berkualiti dan generasi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

CJ merupakan peneraju di dunia dalam bidang bioteknologi perindustrian dengan inovasi dalam bidang penapaian dan penulenan. Arkema memiliki teknologi platform tiokimia tersendiri adalah sebuah syarikat kimia bertaraf global dan pengeluar utama bahan kimia khusus.

Loji di BKP merupakan platform untuk CJ, melalui anak syarikatnya CJ Bio Malaysia Sdn.

Bhd., memenuhi permintaan yang tinggi bagi metionina di Asia. Bagi Arkema pula, projek ini merupakan pangkalan pusat perindustrian yang terbaharu di Asia demi menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan-pelanggan di rantau ini, khususnya melalui anak syarikatnya Arkema Thiochemicals Sdn Bhd. Projek ini mempunyai potensi untuk membangunkan kepakaran tempatan dalam bidang-bidang khusus seperti kejuruteraan kimia dan bioteknologi perindustrian, serta menyediakan peluang kerjasama dengan universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan tempatan bagi mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan dalam bidang bioteknologi. Dan perspektif serantau, projek ini akan mewujudkan impak yang signifikan

terhadap pembangunan industri bioteknologi perindustrian di Malaysia khususnya di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Lebih penting lagi, ini akan meningkatkan kesedaran pelabur asing terhadap potensi pelaburan dalam bioteknologi perindustrian di negara ini.

Kepentingan

Menton Besar Terengganu, Datuk Seri Haji Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, kehadiran CJ dan Arkema, yang merupakan dua penggiat bioteknologi perindustrian dan industri bahan kimia terkenal dunia, merupakan satu detik yang amat membanggakan untuk negeri Terengganu.

"Pembukaan fasiliti bio-metionina milik CJ dan platform tiokimia Arkema di Taman Biopolimer Kertih akan meletakkan Terengganu di peta dunia bagi sektor bioteknologi perindustrian.

Projek ini juga menandakan kepentingan bioteknologi sebagai salah satu sektor ekonomi utama bagi Terengganu, yang bersifat saling melengkapi dengan industri minyak dan gas yang sudah lama bertapak di negeri ini," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd Nazlee

Kamal berkata, Malaysia berbangga menerima fasiliti bio-metionina berasaskan penapaian yang pertama dan terbesar di dunia dan juga platform tiokimia yang terbesar di Asia.

"Ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap kemajuan bioteknologi yang berterusan di negara ini, terutamanya dalam sektor bio-perindustrian.

"Ini adalah testimoni sejauh mana pencapaian negara dalam tempoh sedekad yang lalu dan akan mengukuhkan lagi agenda bio-ekonomi Malaysia dengan menyediakan peluang-peluang komersial dan pekerjaan demi manfaat negara," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDO), Datuk Seri Jebasingan Issac John berkata, kewujudan fasiliti bersepadu CJ-Arkema di Taman Biopolimer Kertih ini merupakan satu lagi detik bersejarah bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), menandakan kesediaan wilayah ini untuk menerima pelaburan dari sektor-sektor bernilai tinggi.

"Taman Biopolimer Kertih menawarkan pelbagai peluang komersial kepada syarikat-syarikat bioteknologi dari seluruh dunia dan pihak kami yakin bahawa kehadiran gergasi global seperti CJ dan Arkema akan menarik kemasukan lebih banyak penggiat bioteknologi bertaraf dunia ke taman industri ini pada masa terdekat," katanya.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Arkema, Thierry Le Henaff, dalam ucapannya berkata, setelah hampir tiga tahun sejak pembinaan fasiliti ini dimulakan, hari ini pihaknya berasa amat bangga berada di sini untuk merayakan kejayaan kami. Pihaknya menekankan sekali lagi bahawa Malaysia dan Kertih merupakan pilihan yang tepat untuk projek strategik ini.

"Asia dan lain-lain negara dengan kadar pertumbuhan tinggi merupakan wilayah-wilayah yang menjadi fokus pembangunan bagi Arkema; mereka mewakili kira-kira 25 peratus daripada perolehan kami pada masa kini.

"Sasaran kami ialah untuk meningkatkan peratusan ini kepada 30 peratus dalam masa terdekat. Selubungannya itu, anak syarikat kami di Kertih yang bertaraf dunia ini merupakan padanan yang tepat untuk strategi global kami dan menandakan komitmen kami di Asia," jelas Le Henaff.

Ketua Pegawai Eksekutif CJ BIO Malaysia Sdn Bhd, John Kang, berkata, CJ telah berjaya membangun dan mengkomersialkan loji bio-metionina yang pertama di dunia di Taman Biopolimer Kertih (BKP).

"Kami percaya KRP akan menjadi hab utama bagi syarikat-syarikat industri bioteknologi untuk tahun-tahun akan datang. Loji bioteknologi di Kertih akan menjadi lokasi yang strategik untuk pasaran baharu muncul di China dan Asia. Saya percaya ini adalah permulaan inovasi utama dari CJ BIO," katanya.

Projek ini merupakan satu pencapaian penting dalam agenda bio-ekonomi nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab bio-penapisan.

Pengeluaran asid amino penting (EAA) dan bio-metionina mesra alam dengan menggunakan teknologi penapaian dan enzimatik dicadangkan, adalah merupakan aktiviti di bawah Senarai Teknologi Tinggi Dipromosikan untuk Bioteknologi pemakanan atau pelengkap bahan makanan.

Projek ini juga sejajar dengan dasar dan inisiatif kerajaan dalam bioteknologi perindustrian seperti Dasar Bioteknologi Nasional, Dasar Pertanian Negara Ke-3 (NAP3), Program Fidlol Nasional dan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Di samping itu, pengeluaran metil mercaptan dan dimetil sulfida (DMS) adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakan aktiviti hiliran sektor minyak dan gas.

Kemudahan di Taman Biopolimer Kertih (BKP) ini terletak dalam Zon Ekonomi Khas ECER (ECER SE2), sebuah kawasan penumpuan projek-projek berimpak tinggi yang berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan di ECER.



Sebanyak 100,000 Kit Denggi Diedar Ke Tiga Negeri - Mosti



PETALING JAYA, 21 Jun (Bernama) -- Sebanyak 100,000 kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi akan diedarkan di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mulai bulan depan dalam usaha menangani masalah denggi di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Dr Zulkifli Mohamed Hashim berkata dua kawasan di Selangor iaitu komuniti USJ1 di Zon 4 Subang Jaya dan Taman Melati, Gombak serta Kampung Padang di Kampung Baru, Kuala Lumpur merupakan tiga komuniti pertama terpilih untuk projek perintis Program Komuniti Bebas Denggi ini.

"Kita menyasarkan dengan penggunaan kit ini, ia dapat mengurangkan kes denggi di negeri berkenaan dalam masa setahun," katanya kepada pemberita selepas **mewakili Menteri Mosti Datuk Seri Dr Ewon Ebin** melancarkan 'Komuniti Bebas Denggi' USJ 1 di sini, hari ini.

Dr Zulkifli berkata kit yang mengandungi biolarvicide MOUSTICIDE yang dapat membunuh larva nyamuk, losyen penghalang nyamuk dan perangkap Ovi Larva Aedes itu, direka khas untuk membunuh sistem pembiakan nyamuk.

"Ia telah terbukti berkesan di luar negara berjaya membunuh sistem pembiakan nyamuk sehingga 100 peratus dalam masa satu hingga dua bulan," katanya.

"Sekiranya didapati berkesan, kami (MOSTI) akan menjadikannya sebagai program CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan NGO (badan bukan kerajaan) supaya diedarkan secara percuma kepada orang ramai," katanya.

Dr Zulkifli berkata pelancaran program Komuniti Bebas Denggi itu adalah hasil kerjasama oleh pengeluar kit tersebut iaitu Inno Biologics dan Entogenex Industries.

"Pihak Mosti juga sedang mempertimbangkan untuk memperluaskan program ini ke negeri-negeri lain seperti Pahang, Sabah dan Melaka," katanya.

Sementara itu, Dr Ewon dalam teks ucapan yang dibacakan Dr Zulkifli berkata sehingga 23 Mei lepas, sebanyak 138 kes kematian dan 51,474 kes denggi telah dicatat setakat 13 Jun lepas.

-- BERNAMA



100,000 Home Dengue Protection kits to be distributed in three states

PETALING JAYA, June 21 — A total of 100,000 Home Dengue Protection kits will be distributed in Selangor, Kuala Lumpur and Johor starting next month in an effort to address the dengue problem in the country.

Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) deputy secretary-general, Dr Zulkifli Mohamed Hashim said two areas in Selangor namely USJ1 community in Zone 4 Subang Jaya and Taman Melati, Gombak, and Kampung Padang in Kampung Baru, Kuala Lumpur, are the first three communities selected for the 'Dengue Free Community' pilot programme.

"We aim to use this kits to reduce the number of dengue cases in these states within a year," he told reporters after representing **Mosti's Minister Datuk Seri Dr Ewon Ebin** at the launch of the 'Dengue Free Community' at USJ 1, here, today.

Dr Zulkifli said the kit contained biolarvicide Mousticide which could kill mosquito larvae, mosquito deterrent lotion and ovitraps specially designed to detect and kill eggs and larvae of aedes mosquitoes to eliminate mosquito breeding.

"It has been proven successful overseas, eliminating mosquito breeding by 100 per cent within one to two months," he said.

"If found effective, we (Mosti) will make it a corporate social responsibility (CSR) in collaboration with the Ministry of Health and non-governmental organisations to distribute these kits free of charge to the public.

"Mosti is also considering expanding the programme to other states like Pahang, Sabah and Malacca," he said. — Bernama

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 21 JUN 2015 (AHAD)



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Tengah Hari Tadi

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.0 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada pukul 1.36 tengah hari tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata gempa bumi itu berpusat di 41 kilometer barat daya Beluran, Sabah.

Pada 5 Jun lepas, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter mengegarkan Ranau dan mengorbankan 18 nyawa.

-- BERNAMA



Ribut Petir Di Perairan Sandakan Hingga Awal Malam Ini

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Sandakan, Sabah dijangka berterusan sehingga awal malam ini, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50km sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, angin kencang barat daya dengan kelajuan 40-50 km sejam dengan ombak mencapai 3.5 meter yang berlaku di perairan Sarawak (Miri), Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) serta Labuan dijangka berterusan sehingga Selasa.

"Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut," katanya.

-- BERNAMA